

**TITAH UCAPAN DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL SEMPENA PERLANTIKAN BAGINDA SEBAGAI CANSELOR KUKUM PADA 4 NOVEMBER 2003**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

MULA-MULA SEKALI SAYA INGIN MEMPERSEMBAHKAN UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA AYAHANDA SAYA, DULI YANG MAHA MULIA (DYMM) SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG, YANG TELAH MELANTIK SAYA SEBAGAI CANSELOR BAGI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA.

SAYA JUGA INGIN MENYAMPAIKAN UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN, DI ATAS NASIHAT YANG TELAH DIPERSEMBAHKAN KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG YANG SETERUSNYA MEMBAWA KEPADA PERLANTIKAN SAYA PADA PETANG YANG BERBAHAGIA INI.

SEBAGAI PEMANGKU RAJA BAGI NEGERI YANG KITA SEMUA KASIHI INI, SEMEMANGNYA SAYA AMAT BERMINAT DENGAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN YANG DITUNJUKKAN OLEH KUKUM SEJAK IA MULA BERTAPAK DISINI SABAN HARI. WALAUPUN MUNGKIN TIDAK DI KETAHUI RAMAI ORANG, SAYA SEBENARNYA MENGIKUTI SEGALA BERITA YANG DISIARKAN TENTANG KUKUM. BERSAMA RAJA PUAN MUDA PERLIS SAYA SENDIRI TELAH MEMBUAT LAWATAN KERJA KE KAMPUS KUKUM DI KUBANG GAJAH PADA TAHUN LEPAS. SAYA BERDUA MENDAPATI KUKUM BERADA DI DALAM KEADAAN YANG AMAT MEMBANGGAKAN KERANA ITULAH APABILA DIMINTA UNTUK MENJADI CANSELOR KUKUM, SAYA TIDAK TERAGAK-AGAK BERSETUJU DENGAN PERMINTAAN TERSEBUT.

SEBAGAI CANSELOR, SAYA MEMPUNYAI SEBUAH AGENDA YANG INSYA-ALLAH AKAN DAPAT MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KUKUM DI PERSADA NEGARA, MALAH DI PERSADA DUNIA SEKALIPUN. SAYA BERHARAP AKAN DAPAT MEMBANTU MEMASTIKAN AGAR MISI DAN VISI KUKUM DAPAT DICAPAI SEBAIK MUNGKIN. AKAN TETAPI, SAYA TIDAK DAPAT MELAKUKANNYA SENDIRI TANPA SOKONGAN PADI DARI REKTOR DAN SELURUH WARGA KUKUM.

DARI ITU, SEMPENA PERLANTIKAN INI, SAYA INGIN MENYAMPAIKAN AMANAH PERTAMA SAYA SEBAGAI CANSELOR KEPADA KUKUM – IAITU, MARILAH KITA MENANAMKAN SIFAT KERJA BERPASUKAN KERANA TANPA KERJA BERPASUKAN SEGALA YANG KITA RANCANG MUNGKIN TIDAK AKAN MEMBUAHKAN APA JUA HASIL.

SEBALIKNYA DENGAN BERBEKALKAN SEMANGAT KERJA BERPASUKAN KUKUM AKAN BERJAYA SUATU HARI NANTI, INSYA ALLAH.

MARILAH SAMA-SAMA BERGERAK KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT “ILMU, KEIKHLASAN, KECEMERLANGAN.”

DENGAN INI, SAYA MENERIMA PERLANTIKAN SEBAGAI CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA.

SEKIAN, WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.